

EK

ECONEWS

LABUAN AKAN JADI JENDELA MALAYSIA, KATA PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) - Labuan akan menjadi +jendela+ Malaysia dalam menarik sumber-sumber modal asing yang baru untuk membiayai proses pengindustrian negara yang pesat, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hari ini.

Berucap pada perasmian persidangan dua hari mengenai +Labuan: Pusat Kewangan Pesisiran Pantai Antarabangsa+ di sini, beliau berkata Pulau Labuan dijangka memainkan peranan utama dalam usaha memajukan Malaysia menjadi pusat kewangan serantau yang benar-benar berdaya maju.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pelancaran Labuan sebagai pusat kewangan pesisiran pantai antarabangsa (IOFC) merupakan bahagian penting dalam strategi dalam memajukan perkhidmatan kewangan untuk menyokong usaha pembangunan negara.

Beliau menambah kata bahawa di tahun-tahun akan datang, keutamaan akan diberikan kepada pembangunan seterusnya industri perkhidmatan kewangan sebagai sektor kewangan yang lebih cekap, inovatif dan berdaya saing, yang penting bagi pertumbuhan dan keseluruhan pembangunan negara, terutamanya apabila ekonomi semakin moden dan lebih maju.

Perdana menteri juga berkata pertanyaan yang banyak dan minat yang ditunjukkan oleh berbagai-bagai pihak terhadap Labuan IOFC, membayangkan bahawa pulau itu boleh mewujudkan tempatnya tersendiri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Kita mahu membangunkannya untuk memenuhi keperluan urusan bank dan insurans syarikat-syarikat pelbagai negara dan nilai bersih tinggi individu-individu dan keluarga di rantau Asia-Pasifik, yang ingin melindungi aset-aset dan amanah-amanah mereka yang dipegang di peringkat antarabangsa dan juga meminimumkan tanggungan-tanggungan cukai mereka.+

+Sesungguhnya, saya yakin Labuan akan menjadi domisil yang baik bagi banyak syarikat insurans dan insurans semula serantau yang cukup berpandangan jauh untuk mengambil kesempatan daripada potensi-potensi yang terbit daripada pertumbuhan pesat di rantau ini,+ tambahnya.

Perdana Menteri bagaimanapun menegaskan bahawa kesungguhan minat Malaysia untuk membangunkan Labuan tidak harus dilihat oleh syarikat-syarikat luar pesisiran yang berpotensi sebagai satu perisytiharan +dasar percuma untuk semua+ bagi pulau itu.

Katanya Labuan akan bersikap pemilih dan hanya akan menarik mereka yang berwibawa dan yang bersedia mendirikan pejabat operasi di pulau itu.

Sambil berkata bahawa visi kerajaan bagi Labuan ialah sebuah bandar yang membangun pesat dan berfungsi, yang kata sesetengah pakar mengambil sekurang-kurangnya sepuluh tahun untuk menjadi kenyataan, beliau bagaimanapun yakin yang +visi kita akan dicapai lebih awal, dan tidak terlewat.+ -- Lagi

EK

ECONEWS

LABUAN AKAN MENJADI KUALA LUMPUR

Beliau bagaimanapun menolak kebimbangan yang kerajaan telah mewujudkan sebuah pelabuhan bebas bagi menghalalkan wang dadah haram dan aktiviti-aktiviti menipu yang lain di rantau ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Pendirian kita mengenai perkara seumpama itu sudah diketahui dan kita akan terlibat dengan memberi kemudahan kepada sebarang aktiviti haram, apa lagi berurusan dalam keuntungan hasil jenayah yang amat kita benci.+

+Dalam hubungan ini, saya harus menegaskan sekali lagi bahawa adalah niat kerajaan untuk menerima pengusaha-pengusaha luar pesisiran yang berwibawa dan mempunyai kedudukan antarabangsa yang tinggi memasuki Labuan,+ katanya.

+Proses yang selektif ini bukan semata-mata terhad kepada bank-bank luar pesisiran, syarikat-syarikat insurans luar pesisiran dan syarikat-syarikat pelaburan luar pesisiran, tetapi juga akan menjadi standard yang ditetapkan bagi para profesional yang memberikan perkhidmatan sokongan, seperti perundangan, akauntan dan amanah, tambah beliau.

Datuk Seri Mahathir berkata perkembangan dalam dunia ekonomi hari ini memberikan Malaysia sebab-sebab tambahan bagi membangunkan Labuan sebagai sebuah pusat luar negeri antarabangsa kerana perkembangan peristiwa sepanjang beberapa bulan lalu menjadi petunjuk kepada keadaan ekonomi dunia yang mudah terjejas.

+Petunjuk-petunjuk terbaru menunjukkan bahawa perkembangan ekonomi selepas perang yang berpanjangan akan berhenti,+ katanya dan menambah bahwa Amerika Syarikat dan United Kingdom telahpun mengalami kemelesetan ekonomi.

Perkembangan-perkembangan ini, tambahnyanya berserta dengan terhentinya perundingan Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan dan meletusnya perang di rantau Teluk, telah menimbulkan ketidakpastian terhadap prospek pertumbuhan sejagat dalam dekat 1990-an ini.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata bahawa di tengah-tengah gambaran yang suram itu, gambaran yang cerah ialah ekonomi-ekonomi di rantau Asia-Pasifik terus berkembang dalam tahun-tahun 1990-an.

Kadar-kadar tabungan dan pelaburan yang tinggi di rantau ini, berserta dengan pengurusan makro-ekonomi dalam negeri yang pragmatis, dan kesanggupan untuk melaksanakan pembaharuan struktur yang perlu, tenaga kerja yang terpelajar dan kestabilan politik, semuanya memberi harapan baik bagi prospek yang cerah yang berteruan dalam ekonomi-ekonomi Asia-Pasifik.

Malaysia adalah sebahagian yang penting rantau Asia-Pasifik dan banyak daripada peningkatan pengaliran masuk pelaburan asing dalam tahun-tahun kebelakangan datang dari Jepun dan ekonomi-ekonomi yang berkembang pesat di Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura.

+Sebenangnya, Taiwan telah muncul sebagai sumber tunggal terbesar pelaburan asing baru, mengatasi pelabur-pelabur utama tradisional seperti Amerika Syarikat dan Eropah,+ katanya.

Datuk Seri Mahathir menambah kata bahawa dengan semangat seumpama inilah yang ingin memupuk hubungan lebih erat di antara negara-negara di rantau ini Malaysia mengemukakan cadangan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur baru-baru ini.

EK

ECONEWS

LABUAN AKAN MENJADI KUALA LUMPUR

Beliau bagaimanapun menolak kebimbangan yang kerajaan telah mewujudkan sebuah pelabuhan bebas bagi menghalalkan wang dadah haram dan aktiviti-aktiviti menipu yang lain di rantau ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Pendirian kita mengenai perkara seumpama itu sudah diketahui dan kita akan terlibat dengan memberi kemudahan kepada sebarang aktiviti haram, apa lagi berurusan dalam keuntungan hasil jenayah yang amat kita benci.+

+Dalam hubungan ini, saya harus menegaskan sekali lagi bahawa adalah niat kerajaan untuk menerima pengusaha-pengusaha luar pesisiran yang berwibawa dan mempunyai kedudukan antarabangsa yang tinggi memasuki Labuan,+ katanya.

+Proses yang selektif ini bukan semata-mata terhad kepada bank-bank luar pesisiran, syarikat-syarikat insurans luar pesisiran dan syarikat-syarikat pelaburan luar pesisiran, tetapi juga akan menjadi standard yang ditetapkan bagi para profesional yang memberikan perkhidmatan sokongan, seperti perundangan, akauntan dan amanah, tambah beliau.

Datuk Seri Mahathir berkata perkembangan dalam dunia ekonomi hari ini memberikan Malaysia sebab-sebab tambahan bagi membangunkan Labuan sebagai sebuah pusat luar negeri antarabangsa kerana perkembangan peristiwa sepanjang beberapa bulan lalu menjadi petunjuk kepada keadaan ekonomi dunia yang mudah terjejas.

+Petunjuk-petunjuk terbaru menunjukkan bahawa perkembangan ekonomi selepas perang yang berpanjangan akan berhenti,+ katanya dan menambah bahwa Amerika Syarikat dan United Kingdom telahpun mengalami kemelesetan ekonomi.

Perkembangan-perkembangan ini, tambahannya berserta dengan terhentinya perundingan Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan dan meletusnya perang di rantau Teluk, telah menimbulkan ketidakpastian terhadap prospek pertumbuhan sejagat dalam dekat 1990-an ini.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata bahawa di tengah-tengah gambaran yang suram itu, gambaran yang cerah ialah ekonomi-ekonomi di rantau Asia-Pasifik terus berkembang dalam tahun-tahun 1990-an.

Kadar-kadar tabungan dan pelaburan yang tinggi di rantau ini, berserta dengan pengurusan makro-ekonomi dalam negeri yang pragmatis, dan kesanggupan untuk melaksanakan pembaharuan struktur yang perlu, tenaga kerja yang terpelajar dan kestabilan politik, semuanya memberi harapan baik bagi prospek yang cerah yang berteruan dalam ekonomi-ekonomi Asia-Pasifik.

Malaysia adalah sebahagian yang penting rantau Asia-Pasifik dan banyak daripada peningkatan pengaliran masuk pelaburan asing dalam tahun-tahun kebelakangan datang dari Jepun dan ekonomi-ekonomi yang berkembang pesat di Taiwan, Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura.

+Sebenangnya, Taiwan telah muncul sebagai sumber tunggal terbesar pelaburan asing baru, mengatasi pelabur-pelabur utama tradisional seperti Amerika Syarikat dan Eropah,+ katanya.

Datuk Seri Mahathir menambah kata bahawa dengan semangat seumpama inilah yang ingin memupuk hubungan lebih erat di antara negara-negara di rantau ini Malaysia mengemukakan cadangan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur baru-baru ini.

+Banyak negara telah menyatakan sokongan mereka terhadap cadangan itu, yang kami percaya, setelah dilaksanakan, akan menjadi rantau ini lebih dinamik dan dapat menentukan perdagangan yang bebas dan seimbang,+ katanya. Kerajaan akan meneruskan dasar-dasar semasa yang terbukti berjaya dalam memajukan Malaysia sebagai pusat pelaburan dan apabila perlu, langkah-langkah baru, termasuk galakan kewangan, akan diperkenalkan bagi memastikan perbelanjaan pelaburan swasta terus cukup tinggi untuk menyokong pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.

Datuk Seri Dr Mahathir menambah kata bahawa usaha-usaha akan dipergiatkan untuk mengekalkan iklim pelaburan yang sesuai bagi sektor swasta berkembang, yang termasuk peruntukan yang lebih besar dalam Rancangan Malaysia Keenam bagi untuk mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan sokongan lain selaras dengan keperluan ekonomi yang berkembang pesat.

Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) akan menjelaskan komitmen kerajaan dalam menyediakan sokongan yang perlu dalam memastikan infrastruktur pentadbiran, perindustrian dan sumber-sumber manusia dalam memajukan pertumbuhan dan pelaburan sektor swasta.

Datuk Seri Dr Mahathir enggan menjelaskan butir terperinci mengenai Rancangan Malaysia Keenam sebelum ia dibentangkan di Parlimen pada akhir bulan tahun ini. Bagaimanapun, beliau memberi jaminan kepada sektor swasta bahawa suasana perniagaan yang menggalakkan seperti sekarang akan terus digalakkan.

+Kerajaan mahu melihat keadaan yang lebih liberal. Pencapaian kita merupakan buktinya.

+Langkah-langkah seterusnya akan diumumkan kemudian, bersama-sama dengan pengumuman Pelan Perspektif Lakar Kedua pada Jun ini,+ katanya.

Persidangan dua hari itu dianjurkan bersama oleh Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia, Institut Akauntan Malaysia dan Institut Insurans Malaysia. Kira-kira 250 peserta termasuk ahli-ahli bank terkemuka dan pakar-pakar dari sektor kewangan menghadiri persidangan itu. -- Bernama